INSTITUT KESIHATAN NEGARA
NATIONAL INSTITUTES OF HEALTH (NIH)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA
Pejabat Pengurus NIH,
No.1, Jalan Setia Murni U13/52,
Seksyen U13 Setia Alam,
40170 Shah Alam, Selangor.

Telefon: 603-3362 8888
: 603-3362 8086
http://www.nih.gov.my

Ruj. kami: NIH/SH/26/155 (4)
Tarikh: 20 November 2026

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN (KENDERAAN) BAGI SATU (1) UNIT BAS COASTER SECARA KAEDAH JUALAN SEBUT HARGA DI INSTITUT KESIHATAN NEGARA (NIH), SETIA ALAM, SELANGOR

NO. SEBUT HARGA : NIH/SH/26/155

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Institut ini ingin mempelawa Tuan/ Puan untuk menyertai tawaran sebut harga di atas. Sesiapa yang berminat untuk menyertai tawaran sebut harga ini boleh melihat aset berkenaan mengikut ketetapan seperti berikut:

Tarikh Lawatan	:	23 November 2026 hingga 27 November 2026
Masa	:	9.00 pagi hingga 4.00 petang
Lokasi	:	Sila rujuk KEW.PA-27 seperti dilampiran

3. Bersama-sama ini disertakan dokumen berikut untuk makluman dan tindakan Tuan/Puan selanjutnya

3.1 Kenyataan Tawaran Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-27)
3.2 Syarat dan Peraturan Sebut Harga
3.3 Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-28)
3.4 Surat Akuan Pembida
3.5 Gambar Kenderaan
3.6 Senarai Semak Sebut Harga

4. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan Encik Shamsuri Bin Hashim di talian 03-33627127 atau Cik Sarina Binti Hashim di talian 03-33628000 ext 6944. Maklumat lanjut juga boleh diperolehi dengan melayari Portal NIH di https://nih.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. FAZLIANA BINTI MANSOR
Pengurus NIH.

KEW.PA 27

No.Sebutharga : **NIH/SH/26/155**

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN

Kementerian / Jabatan:

Institut Kesihatan Negara (NIH)

No. 1, Jalan Setia Murni U13/52

Seksyen U13, Setia Alam

40170 Shah Alam, Selangor

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)	Anggaran Kos Penyelenggaraan Semasa (RM)
1.	Bas Coaster Nissan NU41B Tahun Pendaftaran : 2004	WLY 3307	1	7,000.00	47,700.00

2. Aset boleh dilihat pada **23 November 2026 (Isnin) hingga 27 November 2026 (Jumaat)** di antara **jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang** di **Institut Kesihatan Negara (NIH), Setia Alam, Selangor.**

3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan **menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW-PA 28)** yang boleh diperolehi di alamat seperti para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda no.sebutharga **NIH/SH/26/155** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat :

Unit Perolehan
Blok A, Aras 4
Institut Kesihatan Negara (NIH)
No. 1 Jalan Setia Murni U13/52
Seksyen 13, Setia Alam
40170 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

No.Sebutharga : **NIH/SH/26/155**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **3 Disember 2026 (Khamis) jam 12.00 tengah hari**. Dokumen sebutharga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

6. Sebarang pertanyaan urusan bagi perkhidmatan tersebut boleh berhubung terus dengan;

Unit Pentadbiran, Stor & Aset (Lawatan Tapak)

i) Encik Shamsuri Bin Hashim (03-33627121)

ii) Encik Muhammad Adam Naim Bin Ab Malek (03-33628422/016-5910582)

Unit Perolehan (Dokumen)

Cik Sarina Binti Hashim (03-33628000 sambungan 6944)

(Tandatangan Ketua Jabatan)

Dr Fazliana binti Mansor
Pengurus NIH
Institut Kesihatan Negara (NIH)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Alamat : Institut Kesihatan Negara (NIH)
No. 1, Jalan Setia Murni U13/52
Seksyen U13, Setia Alam
40170 Shah Alam, Selangor

Tarikh : 20/11/2026

Cop :

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
INSTITUT KESIHATAN NEGARA

NO. SEBUT HARGA : NIH/SH/26/155

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PELUPUSAN KENDERAAN

BIL.	PERKARA
SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN AM	
1.	Kenderaan akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2.	Semua kenderaan adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is basis).
3.	Kementerian / Jabatan / PTJ ini tidak bertanggungjawab ke atas kenderaan yang telah dijual
4.	Penyebut harga hendaklah dimaklumkan bahawa anggaran kos pembaikan kenderaan adalah berjumlah **seperti di KEW.PA-27**
5.	Semua perbelanjaan berkaitan pembelian / penerimaan kenderaan seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut, duti import, cukai Kastam dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli / penerima sendiri.
6.	Penyebut harga hendaklah menandatangani Surat Aku Janji Penerimaan Kenderaan seperti di Lampiran 13 serta mematuhi syarat-syarat dalam Surat Aku Janji ini. Sekiranya melanggar mana-mana syarat Aku Janji ini, Kementerian / PTJ berhak untuk merampas kenderaan tersebut dan dilupuskan semula secara jualan sisa. Ini bagi meminimumkan risiko dan liabiliti kepada Kementerian / PTJ.
7. a) i)	Penyebut harga bertanggungjawab melaksanakan perkara-perkara berikut:- Menyerahkan peralatan / pelekat berikut kepada Jabatan sebelum membawa keluar kenderaan: Bagi ambulans: menanggalkan alat komunikasi GIRN, stretcher, lampu siren (beacon light) dan alat komponen lain yang masih berfungsi; atau

BIL.	PERKARA
ii)	Bagi pacuan empat (4) roda: menanggalkan alat komunikasi GIRN, alat takal penarik (winch) dan alat komponen lain yang masih berfungsi;
iii)	Menanggalkan pelekat Lesen Kenderaan Motor (LKM) yang masih berkuat kuasa;
b)	Memadamkan tulisan nama / logo kementerian / jabatan pada badan kenderaan sebelum membawa keluar kenderaan;
c)	Melaksanakan urusan berkaitan sekatan duti import dan cukai Kastam serta menanggung kos-kos yang terlibat bagi urusan tersebut adalah ditanggung oleh Petender / penyebut harga / pembida berjaya / penerima hadiah dan serahan;
d)	Bagi kaedah pelupusan secara sebut harga:
i)	Membaiki kenderaan hingga berada di tahap yang lulus pemeriksaan PUSPAKOM. Melapor kepada PTJ dari semasa ke semasa status kenderaan yang melibatkan lokasi penempatan, kerja-kerja pembaikan, pemeriksaan PUSPAKOM atau Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM);
ii)	Membawa kenderaan ke PUSPAKOM bagi menjalani pemeriksaan PUSPAKOM hingga kenderaan lulus pemeriksaan tersebut;
iii)	Menguruskan penukaran hak milik di JPJ / JLM. Penukaran hak milik hendaklah diselesaikan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal berbuat demikian, Kementerian /Jabatan berhak untuk membatalkan pendaftaran kenderaan di JPJ/JLM;
e)	Menguruskan pembatalan pendaftaran kenderaan di JPJ / JLM dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh surat kelulusan.
f)	Menanggung segala kos yang terlibat bagi perkara 5 a) hingga 5 e).

NO. SEBUT HARGA : NIH/SH/26/155

BIL.	PERKARA
SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN TAMBAHAN BAGI PELUPUSAN SECARA JUALAN SEBUT HARGA	
8.	Penyebut harga / pembida adalah dikehendaki menyertakan deposit tender / sebut harga / lelong sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap kenderaan atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit hendaklah dalam bentuk **Draf Bank atau Kiriman Wang sahaja** atas nama **INSTITUT KESIHATAN NEGARA**.
9.	Tawaran tanpa / kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
10.	Penyebut harga boleh mengemukakan sebarang nilai tawaran hingga 70% daripada harga simpanan. Walau bagaimanapun pemilihan penyebut harga yang berjaya adalah tertakluk kepada nilai tawaran yang tertinggi dan kelulusan Lembaga Perolehan / Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan.
11.	Penyebut harga yang berjaya hendaklah menjelaskan bayaran penuh kepada Unit Hasil PTJ dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, tawaran adalah terbatal dan wang deposit tidak akan dikembalikan.
12.	Penyebut harga yang berjaya hendaklah mengambil kenderaan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal berbuat demikian, bayaran dan deposit tidak akan dikembalikan dan Kementerian / Jabatan / PTJ berhak untuk membatalkan tawaran dan merampas kenderaan tersebut untuk dilupuskan secara jualan sisa.

No. Penyebut Harga : NIH/SH/26/155/_____

KEW.PA-28

BORANG SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH

Nama Individu / Syarikat :

No.Kad Pengenalan / Pendaftaran Syarikat :

Alamat:

_____

_____

_____

Kepada:

Institut Kesihatan Negara (NIH)

Unit Perolehan

Blok A, Aras 4

No 1, Jalan Setia Murni U13/52

Seksyen U13, Setia Alam

40170 Shah Alam, Selangor

Tuan,

Tawaran Untuk Sebut Harga No. : NIH/SH/26/155

Merujuk kepada perkara di atas,saya / syarikat berminat menyertai sebut harga tersebut.

2. Tawaran saya / syarikat adalah seperti berikut:

Bil	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Tawaran (RM)	Deposit Sebut Harga (RM)
1.	Bas Coaster Nissan NU41B WLY 3307 Tahun Pendaftaran : 2004	1 unit		

3. Bersama-sama ini disertakan deposit sebut harga (sebanyak 5% daripada harga tawaran aset di atas atau RM 5,000 mengikut mana yang terendah) yang bernilai RM_____(Ringgit Malaysia _____) dalam dalam bentuk **Kiriman Wang atau Draf Bank** no. _____ atas nama **INSTITUT KESIHATAN NEGARA**

4. Saya/syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : .....

Nama : .....

No Telefon : .....

Email : .....

Tarikh : .....

Cop Syarikat : .....

Lampiran 6

SURAT AKUAN PEMBIDA

SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN (KENDERAAN) BAGI SATU (1) UNIT BAS COASTER SECARA KAEDAH JUALAN SEBUT HARGA DI INSTITUT KESIHATAN NEGARA (NIH), SETIA ALAM, SELANGOR

NO. SEBUTHARGA: NIH/SH/26/155

Saya, _____ Nombor K/P _____ yang mewakili _____Nombor Pendaftaran Syarikat _____ dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa – apa suapan kepada mana – mana orang dalam mana – mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-manaperolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **INSTITUT KESIHATAN NEGARA (NIH)** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakanberikut boleh diambil:

2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan

2.2 Lain-lain tidakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil :

3.1 Didakwa bagi kesalahan** dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694]* dan Kanun Keseksaan *[Akta 574]* serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau

3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 *[Akta 712]* atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranyasyarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over)* seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan

suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694],* apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : _____

Nama : _____

No.KP : _____

Tarikh : _____

Cap Syarikat : _____

Catatan :

(i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].

(ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

(iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.

(iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.


SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN (KENDERAAN) BAGI SATU (1) UNIT BUS COASTER SECARA KAEDAH JUALAN SEBUT HARGA DI INSTITUT KESIHATAN NEGARA (NIH), SETIA ALAM, SELANGOR (NO. SEBUT HARGA : NIH/SH/26/155)
NO PENDAFTARAN : KKM/NIH/H/20/23
KETERANGAN ASET : BAS 24 PENUMPANG / NISSAN FD46
NO PENDAFTARAN : WLY 3307



GAMBAR WLY 3307 : HADAPAN



GAMBAR WLY 3307 : BELAKANG



GAMBAR WLY 3307 : BAHAGIAN ENJIN



GAMBAR WLY 3307 : SISI KANAN



GAMBAR WLY 3307 : SISI KIRI





GAMBAR WLY 3307 : BAHAGIAN DALAM

SENARAI SEMAK

SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN (KENDERAAN) BAGI SATU (1) UNIT BAS COASTER SECARA KAEDAH JUALAN SEBUT HARGA DI INSTITUT KESIHATAN NEGARA (NIH), SETIA ALAM, SELANGOR

NO. SEBUT HARGA : NIH/SH/26/155

Sila tanda (/) pada ruangan UNTUK TINDAKAN PENYEBUT HARGA

BIL	DOKUMEN	UNTUK TINDAKAN PENYEBUT HARGA	UNTUK TINDAKAN URUS SETIA
1.	**Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-28)** yang lengkap diisi dengan tawaran harga dan tanda tangan		
2.	**Salinan Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia** (bagi penyebut harga syarikat)		
3.	**Salinan Kad Pengenalan** (bagi penyebut harga individu)		
4.	**Salinan Akaun Bank**		
5.	**Deposit Sebut Harga 5%** daripada harga tawaran		
6.	**Lampiran 6** (Surat Akuan Pembida)		

Tandatangan : .....

Nama : .....

No Telefon : .....

Email : .....

Tarikh : .....

Cop Syarikat : .....